

# Hapuskan salah tanggapan terhadap kepercayaan masing-masing PM syor dialog agama

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

**K**UALA LUMPUR 3 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyeru semua agama di seluruh dunia berdialog secara terbuka bagi menghapuskan salah tanggapan terhadap kepercayaan masing-masing khususnya Islam.

Perdana Menteri berkata, usaha padu perlu dilakukan untuk mengadakan dialog seumpama itu berikutan banyak isu keganasan dikaitkan dengan Islam sedangkan agama menggalakkan perpaduan dan keamanan.

"Saya tahu ada orang Islam bertanggungjawab kepada beberapa kegiatan keganasan atas nama Islam tetapi mereka adalah minoriti dalam agama dan tidak mewakili Islam.

"Sedangkan majoriti umat Islam di seluruh dunia yang pentingkan keamanan, kesederhanaan dan bertoleransi telah merasakan turut menjadi mangsa kempen antarabangsa (Barat) memusuhi Islam.

"Agama mesti membawa penyelesaian terbaik bukan buruk kepada masalah kita. Perang atau aktiviti keganasan tidak boleh dilakukan atas nama agama sebaliknya agama mesti mendidik kita kepada keadilan dalam orde dunia," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan pada majlis perhimpunan anjuran Majlis Gereja Sedunia yang dihadiri oleh lebih 100 orang wakil gereja dari seluruh dunia di sini.

Hadir sama ialah Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Ongkili dan Pengerusi Majlis Gereja Malaysia, Tan Sri Dr. Lim Cheng Ean.

Abdullah berkata, dialog seperti itu tidak akan menjadi kenyataan dan tidak bermakna jika penganut agama tidak menghormati pegangan dan kepercayaan antara satu sama lain.

Beliau turut menyeru supaya semua agama dan kepercayaan menyetepikan pandangan dan perbezaan amalan keagamaan masing-masing sebaliknya menghormati



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan Paderi Mikael dari Armenia pada perhimpunan anjuran Majlis Gereja Sedunia di Kuala Lumpur semalam. — Gambar ASWAD YAHYA

# PM syor dialog agama

hak kebebasan beragama.

"Marilah kita bincang soal yang memberi kesan kepada kemanusiaan seperti ketidakadilan dalam sistem perdagangan dan kewangan dunia, alam sekitar yang terancam, kemiskinan dan serangan wabak penyakit.

"Semua isu ini menimpa kita sama ada yang beragama Islam, Kristian, Buddha atau Hindu," jelasnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, sejarah telah membuktikan bahawa hubungan Islam dan Kristian kekal dalam keadaan baik serta fleksibel dengan pene-

rimaan idea baru, falsafah, seni dan teknologi yang memberi faedah kepada kedua-dua agama.

Katanya, sejarah juga mengajar bahawa dengan bekerjasama akan dapat mewujudkan tamadun yang berjaya dan penuh toleransi.

"Semangat kerjasama kedua-dua agama ini mesti dibangkitkan semula di dunia ini, banyak permasalahan antarabangsa yang boleh diselesaikan tetapi kadangkala kita menolak cara penyelesaian itu kerana kita tidak sepakat untuk berubah," jelasnya.

Menyentuh isu Palestin, Abdullah yang

juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, keengganan Barat memperakui dan menangani punca keganasan seolah-olah mengesahkan pandangan bahawa rasa tidak puas hati orang Islam tidak penting.

Beliau menjelaskan, kurangnya kemajuan dalam menyelesaikan isu Palestin terus menjadi punca kebencian dunia Islam terhadap mereka yang berkuasa dan berpengaruh untuk menggerakkan proses damai.

"Palestin telah menjadi simbol dunia Islam. Pengganas Islam mungkin tidak

mempunyai hubungan langsung dengan negara itu tetapi ia telah menjadi simbol tindakan mereka. Kita tidak boleh, tidak mengaitkan Palestin daripada perang terhadap keganasan," tegasnya.

Jelasnya, garis pemisah konflik antara agama dan tamadun hari ini jelafe dan pada pandangan umat Islam apabila kejadian yang berlaku sejak peristiwa 11 September tiga tahun lepas seolah-oleh membuktikan tanggapan bahawa Kristian di Barat sekali lagi berperang dengan dunia Islam.

Abdullah yang juga Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) berkata,

serangan pada 11 September 2001, peperangan di Afghanistan, Iraq dan perang terhadap keganasan secara keseluruhannya membabitkan agama.

"Satu pandangan bahaya yang dominan ialah bahawa ia merupakan perjuangan antara yang baik dan jahat. Pandangan ini berbahaya kerana ia wujud di kedua-dua pihak yang berpecah.

"Fundamentalis di kedua-dua pihak mempunyai pandangan sempit yang sama, menjadikannya sebagai perang agama ini, walaupun mereka tidak berkata mengenai-nya secara nyata," kata Abdullah.